

Malaysia, Thailand perluas kerjasama

UM 28 JUL 2002

LANGKAWI 27 Julai -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan meneruskan usaha mencari cara terbaik bagi meluaskan kerjasama dengan Thailand dalam bidang pengangkutan, kesihatan, pendidikan dan kebudayaan seperti mana pernah dibincangkan antara menteri-menteri di Haadyai baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana usaha sama di dalam sektor tenaga dan komoditi sebelum ini telah membuahkan hasil untuk faedah kepada kedua-dua negara.

Katanya, hari ini Malaysia dan Thailand memulakan satu lagi hubungan dengan menorkai kerjasama dalam bidang teknologi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi kedua negara.

Usaha ini merupakan satu lagi contoh semangat kerjasama yang akan menyumbang kepada perkembangan dalam hubungan Malaysia dan Thailand," katanya ketika berucap pada majlis jamuan makan malam bagi meraikan lawatan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di sini malam ini.

Dr. Mahathir dan Thaksin sebelum itu menghadiri Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia - Thailand yang disertai oleh kira-kira 300 ahli perniagaan antara kedua negara yang berlangsung dua hari di Hotel Sheraton Perdana, dekat Kuah.

Pada sebelah petangnya Dr. Mahathir dan Thaksin mengadakan pertemuan empat mata di The Andaman, Teluk Datai serta menyaksikan perjanjian persefahaman antara kerajaan bagi memudahkan prosedur membawa masuk barangan antara dua negara.

Pada perjanjian itu, Malaysia diwakili oleh Ketua Pengarah Kastam, Tan Sri Abdul Halil Mutalib sementara di pihak Thailand diwakili oleh Ketua Pengarah Kastamnya, Chavalit Sethameteekul.

Satu lagi MoU ialah antara Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan Bursa Saham Thailand yang masing-masing diwakili Pengerusi Eksekutifnya Datuk Azlan Hashim dan Presidennya, Kittlat-Na Lanong.

Mengenai perbincangan yang diadakan petang ini, Dr. Mahathir menjelaskan, kedua-dua negara juga berpuas hati dengan kemajuan yang dijalankan di dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Pada majlis jamuan itu Dt. Mahathir juga menjelaskan bahawa beliau akan menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok pada bulan Oktober ini dan menaruh keyakinan persidangan itu akan mencatat kejayaan.